



Pihak bertanggungjawab perlu timbus bekas lombong atau pasang pagar dan tanda amaran sebagai langkah keselamatan.
— Tengku Abdullah

TUTUP LOMBONG BAUKSIT

3 HILIRAN Kuantan PENYU



Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah mahu bekas lombong bauksit ditimbus supaya kejadian lemas yang meragut nyawa tiga kanak-kanak kelmarin, tidak berulang

TRAGEDI LEMAS DI KOLAM BAUKSIT

NORAWAZNI YUSOF, MOHD RIDWAN ABU HASSAN, ERMA YUSOFF

Timbus bekas lombong bauksit

KUANTAN - Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah mahu semua bekas lombong bauksit ditimbus bagi mengelak kejadian lemas berulang.

Baginda bertitah, lombong bauksit terutama di kawasan perkampungan membahayakan penduduk setempat.

"Saya akan melihat laporan berhubung kejadian dan mengarahkan pihak bertanggungjawab menutup bekas tapak lombong yang di negeri ini bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

"Pihak bertanggungjawab perlu menimbus semula bekas lombong atau memasang pagar termasuk papan tanda amaran sebagai langkah keselamatan," titah baginda ketika menziarahi keluarga tiga kanak-kanak yang mati lemas di pekarangan Unit Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini kelmarin.

Turut berangkat, Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Maimunah Iskandariah.

Dalam kejadian jam 5.45 petang kelmarin, Salsabila Zulhairi, 12, dan adiknya, Mahathir Mohamad serta rakan mereka, Nureen Ain Juwita Mohd Sharif, 10, lemas dalam kolam bekas lombong berkenaan.

Tengku Abdullah bertitah, ba-



Tengku Abdullah menziarahi keluarga tiga mangsa lemas di Unit Forensik HTAA, kelmarin.

ginda terkejut dengan kejadian itu dan bersimpati dengan keluarga terabit serta berharap keluarga sabar dan reda dengan ujian itu.

Baginda turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada keluarga mangsa terlahir bagi meringankan beban mereka.

Menceritakan detik malang itu, adik Salsabila, Mohamad Aiman Hakimi, 10, berkata, kakaknya mahu mengambil seluarnya yang tertanggal dalam kolam takungan terabit.

"Saya tak sangka tindakannya, menyebabkan kakak dan adik lelaki

saya serta seorang kawan kami lemas dalam kolam tersebut," katanya.

Menurutnya, pada mulanya mereka berempat ke kawasan bekas lombong itu untuk bermain sebelum ada barangnya terjatuh ke dalam kolam takungan di situ.

Katanya, dia masuk ke dalam kolam untuk ambil barang tersebut sebelum terjatuh, namun berjaya menyelamatkan diri.

"Selepas saya keluar dari kolam, kakak saya cuba nak ambil seluar saya yang tertanggal dalam kolam sebelum terjatuh dan lemas," katanya.



Jenazah mangsa lemas dituntut oleh keluarga masing-masing untuk dikuburkan, semalam.

Mohamad Aiman berkata, selepas Salsabila lemas, Mahathir Mohamad dan Nureen Ain Juwita cuba membantunya menyelamatkan tetapi mereka turut menerima nasib sama.

"Saya tak sempat buat apa-apa. Mereka bertiga dah lemas. Ini kali pertama saya ikut mereka bermain di situ," katanya.

Sementara itu, bapa Nureen Ain Juwita turut bersedih dengan pemergian satu-satunya anak perempuannya itu.

Mohd Sharif Awang Ngah, 50, berkata, sebelum kejadian, anak

bonsu daripada enam beradik itu pergi ke rumah datuknya di Taman PSJ yang terletak kira-kira lima kilometer dari rumah mereka di Kampung Sungai Karang.

"Dia pergi ke rumah datuknya, dihantar oleh abangnya dengan menunggang motosikal," katanya.

Pengawal keselamatan itu berkata, dia mengetahui kejadian itu daripada penduduk kampung sekitar jam 6.30 petang.

"Ketika itu saya sedang pasang siling di rumah. Saya reda dengan kejadian menimpa anak saya," katanya.